

**UCAPAN MENTERI KERJA RAYA
DI MAJLIS PERASMIAN WAJAH BARU
KAWASAN REHAT DAN RAWAT SG PERAK**

**TEKS DIBACAKAN OLEH
YB DATO' YONG KHOON SENG
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

19 Julai 2010

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

- ***salutation to be advised*** -

1. Pertama sekali saya ingin menyampaikan salam dari Y.B Menteri Kerja Raya yang tidak dapat hadir pada majlis ini dan telah meminta saya mewakili beliau untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan wajah baru Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Sungai Perak.

2. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas daripada Y.B Menteri kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan PLUS Expressways Berhad (PLUS) di atas komitmen berterusan dalam meningkatkan kemudahan-kemudahan di R&R demi memberi keselesaan serta perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna-pengguna lebuhraya. Ini adalah bertepatan dengan konsep Gagasan 1Malaysia: Pencapaian di Utamakan, Rakyat di Dahulukan yang menjadi teras pentadbiran negara di bawah teraju Perdana Menteri kita, YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Razak.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Kawasan R&R perlu di sediakan disepanjang lebuhraya, terutama lebuhraya "inter-urban" sebagai sebahagian daripada ciri keselamatan untuk pengguna-pengguna berehat dan mendapatkan perkhidmatan perjalanan atau bantuan kecemasan. Penyediaan kawasan R&R yang lengkap dan selesa bukan hanya memainkan peranan dalam meningkatkan tahap keselamatan lebuhraya tetapi juga menyediakan kemudahan dan perkhidmatan "added value" kepada para pengguna.

4. Perbezaan besar di antara lebuhraya bertol dan laluan biasa adalah tahap perkhidmatan lebih komprehensif yang disediakan. Ini termasuk penyediaan kemudahan kawasan R&R, hentian sebelah, perkhidmatan Pusat Kawalan Trafik 24 jam serta Pasukan Ronda untuk bantuan kecemasan. Semua kemudahan ini disediakan bagi memastikan kelancaran trafik dan tahap keselamatan serta keselesaan di sepanjang lebuhraya bertol. Lebuhraya Utara Selatan yang pada asalnya dibangunkan sebagai laluan alternatif kepada Jalan Persekutuan yang bebas tol, kini merupakan laluan utama negara memandangkan ianya menawarkan perjalanan yang lancar, selesa dan dengan tahap keselamatan yang tinggi. Oleh itu syarikat-syarikat konsesi perlu sentiasa memastikan bahawa kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan adalah mencukupi dan berada di tahap yang terbaik bagi keselesaan para pengguna. Pada masa yang sama, saya ingin menyeru kepada orang ramai untuk turut bersama menjaga kemudahan awam yang telah disediakan untuk kegunaan semua dengan sebaik mungkin.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Kita tidak dapat menafikan bahawa modul pakej penswastaan lebuhraya di antara pihak swasta dengan Kerajaan menerusi *Private Partnership Project* (PPP) ini telah menarik minat pelbagai pihak daripada negara luar seperti India, Sri Lanka,

Filipina, Indonesia serta beberapa negara lain di rantau Asia Pasifik. Pelaksanaan pakej penswastaaan yang merangkumi rangkaian infrastruktur lebuh raya dan sistem pengoperasian yang efisien telah menarik minat negara-negara ini untuk mendapatkan kepakaran dan mengadaptasi kaedah yang diguna pakai di negara kita. PLUS sendiri dengan pengalaman yang menjangkau lebih 20 tahun telah melebarkan operasi mereka ke India dan Indonesia. Saya percaya dengan keazaman dan dinamik yang berterusan, kita bukan sahaja mampu menyediakan infrastruktur yang bertaraf dunia malah mampu bersaing di peringkat global di samping menggalas cabaran liberalisasi.

6. Komitmen PLUS dalam melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf dan memantau tahap penyelenggaraan kawasan-kawasan rehat dan rawatnya harus dijadikan sebagai contoh untuk diikuti oleh syarikat-syarikat konsesi yang lain. Rekabentuk dan konsep yang menarik serta tahap penyelenggaraan kemudahan di R&R seperti tandas di sepanjang lebuh raya PLUS telah menerima reaksi yang positif daripada pengguna-pengguna lebuh raya. Malahan YAB Perdana Menteri sendiri secara peribadi telah memberikan komen positif beliau berhubung penyelenggaraan kemudahan R&R dan tahap kebersihan tandas yang disediakan di sepanjang lebuh raya PLUS. Ianya telah menjadi penanda aras atau "benchmark" bagi jabatan-jabatan serta agensi-agensi kerajaan dan swasta yang lain. Tidak hairanlah beberapa R&R lebuh raya PLUS telah meraih anugerah rekabentuk dan konsep terbaik di peringkat negeri dan nasional. Saya juga difahamkan R&R Sg Perak ini telah menerima anugerah "Premier Award" Persatuan Pelancongan Negeri Perak daripada YAM Sultan Perak, Raja Azlan Shah bersempena Perak Tourism Appreciation Award 2009.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Operasi dan penyenggaraan lebuhraya seperti Lebuhraya Utara Selatan yang rangkaianannya hampir 900 kilometer memerlukan peruntukan yang besar bagi memastikan ianya sentiasa berada di dalam keadaan yang baik. Pihak PLUS juga telah melabur balik sebahagian besar daripada hasil kutipan tol, iaitu kira-kira RM 470 juta setiap tahun, khusus untuk keselesaan pengguna-pengguna yang merangkumi kerja-kerja penyenggaraan, pembangunan dan menaiktaraf aset dan fasiliti di sepanjang lebuhraya demi keselamatan dan keselesaan para pengguna lebuhraya. Ini membuktikan komitmen PLUS dalam memastikan penyediaan perkhidmatan lebuhraya yang selesa untuk orang ramai.

8. Selain daripada rekabentuk kontemporarinya yang menarik dan unik, operasi di R&R Sg Perak ini juga menitikberatkan aspek-aspek pemeliharaan alam sekitar yang menjadikannya R&R terulung di negara ini yang melaksanakan inisiatif "Green" atau mesra alam secara lebih komprehensif baik dari segi rekabentuk, operasi mahupun penyenggaraan. Ini adalah hasil daripada kolaborasi di antara pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia, PLUS dan Propel yang telah membuktikan komitmen mereka dalam menyokong visi kerajaan ke arah melestarikan alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat. Dalam hubungan ini PLUS telah dianugerahkan pengiktirafan ISO14001. Inisiatif Green ini merangkumi penggunaan bekas makanan dan minuman "Biodegradable", penggunaan sistem pelupusan sisa makanan "Eco Cleaner Machine", "Recycling Bins", "Noise Barrier" dan "Bio Based Detergent" . Tahniah sekali lagi diucapkan!

Hadirin sekalian,

9. Kewujudan R&R juga memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pertumbuhan sosio-ekonomi negara. Setiap R&R di sepanjang lebuhraya membuka peluang perniagaan dan membangunkan usahawan kecil dan sederhana serta memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan. Ianya sekaligus dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat sejajar dengan matlamat Model Ekonomi Baru. Di R&R Sg Perak ini

misalnya, golongan pribumi juga turut berpeluang untuk memasarkan serta memperkenalkan pelbagai hasil produk mereka. Di sepanjang lebuhraya PLUS, lebih daripada 500 usahawan telah dibangunkan dengan hampir 3,000 peluang pekerjaan disediakan.

Hadirin sekalian,

10. Kementerian Kerja Raya bukan sahaja menetapkan KPI ke atas agensi-agensi dibawahnya, malahan ia turut melibatkan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya yang beroperasi di negara kita. Ini merupakan satu langkah yang baik kerana adalah menjadi kewajipan bagi setiap konsesi lebuhraya untuk memberikan tahap perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Saya berharap dengan adanya KPI di semua peringkat ini ia dapat merealisasikan **High Performance Culture** di kalangan kita dan menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang berdaya saing setaraf dengan negara-negara maju.

11. Amalan *High Performance Culture* ini perlu ada terutamanya bagi pihak-pihak yang bertanggungjawab menguruskan kemudahan atau fasiliti awam supaya tempat-tempat ini berada dalam keadaan yang baik pada setiap masa. Saya yakin jika amalan ini menjadi satu budaya, isu-isu berkenaan dengan penyenggaraan tidak akan timbul sama sekali dan mampu menambah nilai kepada perkhidmatan yang diberikan.

Hadirin sekalian,

12. Sebagai salah sebuah GLC yang kukuh, saya berharap PLUS akan terus mengutamakan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat. Saya menyambut baik usaha PLUS yang begitu aktif dalam melaksanakan pelbagai program keselamatan jalanraya yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran orang ramai di jalanraya. Apabila kita memiliki lebuhraya dan jalanraya kelas pertama maka

seharusnya pengguna-pengguna beretika di lebuh raya dan jalan raya agar kemalangan dan kehilangan nyawa dapat dielakkan. Saya menyeru kepada semua pihak agar dapat mengambil perhatian yang serius terhadap perkara ini. PLUS dan syarikat-syarikat konsesi yang lain boleh berganding bahu dengan Kerajaan kearah usaha meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap keselamatan jalan raya.

13. Akhir kata, bagi pihak YB Menteri Kerja Raya saya dengan sukacitanya merasmikan wajah baru Kawasan Rehat dan Rawat Sg Perak.

Sekian, terima kasih.